



PENGENALAN ARAH KIBLAT

APA ITU KIBLAT ?

Kiblat secara bahasanya bermaksud arah yang merujuk kepada suatu tempat. Dari segi hukum syarak, menghadap kiblat bermaksud tubuh badan seseorang menghadap ke arah Kaabah yang terletak di Masjidil Haram, Makkah bagi menyempurnakan ibadat tertentu. Menghadap ke arah kiblat adalah merupakan salah satu syarat sah bagi ibadah solat fardu lima waktu dan solat sunat.

DALIL WAJIB MENGHADAP KIBLAT

Kewajipan menghadap kiblat ini dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 150:

"Dan dari mana saja engkau keluar (untuk mengerjakan solat) maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah) dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya..."



KIBLAT BAGI UMAT ISLAM DI MALAYSIA

Bagi umat Islam di kawasan yang jauh dari Makkah seperti di Malaysia, penentuan arah kiblat dibuat menggunakan kaedah Kiblat Ijtihadi, iaitu bersandarkan perhitungan ilmu falak dan astronomi dengan menggunakan panduan alam semesta seperti kedudukan matahari.

FENOMENA ISTIWA' AD'ZAM (SEMAKAN ARAH KIBLAT TEPAT)


Satu kaedah semula jadi dan sangat tepat untuk menyemak arah kiblat adalah melalui fenomena Istiwa' Ad'zam atau Istiwa Utama. Fenomena ini berlaku apabila matahari berada tepat di titik zenith di atas Kaabah, menyebabkan bayang-bayang objek yang tegak di muka bumi akan menghalu tepat ke arah Kaabah.

Bagi umat Islam di Malaysia, peluang keemasan ini berlaku dua kali setiap tahun pada tarikh dan waktu berikut:

28 Mei, jam 5:18 petang

16 Julai, jam 5:27 petang

(Nota: Bagi tahun lompat, tarikh ini akan berganjak sehari lebih awal iaitu pada 27 Mei dan 15 Julai)



CARA MENYEMAK

Anda hanya perlu memacakkan objek lurus dan tegak di tempat yang lapang, dan bayang-bayangnya akan menunjukkan satu garisan yang berlawanan arah dengan kedudukan matahari. Garisan itulah arah kiblat yang tepat untuk kediaman atau premis anda.



KOMPAS MATAHARI

Penentuan Arah Kiblat Secara DIY

Diterbitkan Oleh :

BAHAGIAN FALAK SYARI'E
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA,
ARAS 2 & 3, IMARAH A, PUSAT ISLAM MELAKA,
JALAN BUKIT PALAH, 75400 MELAKA.

TEL : 06-284 7920 / 21 FAKS : 06-2848144
EMAIL : jkmmufti@gmail.com

www.muftimelaka.gov.my

KOMPAS MATAHARI : CARA MUDAH TENTUKAN ARAH KIBLAT

LANGKAH 1

DAPATKAN BAYANG OBJEK

Cari atau tegakkan objek (seperti tiang atau kayu) yang lurus dan pastikan ia menghasilkan bayang-bayang yang jelas di atas permukaan rata.

LANGKAH 2

RUJUK JADUAL AZIMUT

Lihat Jadual Azimut Matahari yang disediakan oleh Jabatan Mufti dan cari nilai sudut berdasarkan tarikh hari ini dan waktu sekarang.

LANGKAH 3

PLOTKAN SUDUT PADA BULATAN

Tandakan garisan lurus mengikut nilai azimut yang diperolehi tadi pada templat bulatan 360 darjah.

PERATURAN PELARASAN 180 DARJAH

Formula Pelarasan Garisan Lurus:
Untuk mendapatkan satu garisan lurus yang sempurna:
• Jika nilai azimut kurang dari 180°, tambahkan 180°.
• Jika nilai azimut lebih dari 180°, tolakkan 180°.

LANGKAH 5

KENAL PASTI ARAH KIBLAT

Sebaik sahaja garisan selari, perhatikan anak panah petunjuk yang sedia ada pada templat; itulah arah kiblat yang tepat untuk lokasi anda.

CONTOH DATA AZIMUT MATAHARI


Cara membaca jadual:
Sebagai contoh, pada 1 Januari jam 10 pagi, nilai azimut matahari ialah 121°. Gunakan nilai ini untuk langkah memplot sudut.

LANGKAH 4

SELARASKAN DENGAN BAYANG

Letakkan templat bulatan tersebut di tanah dan pusingkan sehingga garisan azimut yang anda lukis tadi berada selari (bertindih) dengan garisan bayang objek tegak.

KOMPAS MATAHARI



www.muftimelaka.gov.my

JADUAL AZIMUT MATAHARI

BULAN	TARIKH	7 PG	8 PG	9 PG	10 PG	11 PG	12 TGH	1 PTG	2 PTG	3 PTG	4 PTG	5 PTG	6 PTG	7 PTG
JAN	1	112	113	116	121	129	145	170	200	221	234	240	244	246
	7	112	113	115	102	128	143	169	199	222	234	241	245	247
	14	111	112	114	118	126	141	166	199	222	235	242	246	248
	21	109	110	112	116	124	138	164	199	223	236	243	247	249
FEB	1	106	107	109	113	120	133	161	200	227	240	246	250	252
	7	105	105	107	111	117	130	159	201	229	242	248	252	254
	14	102	103	105	108	114	126	156	204	233	245	251	254	256
	21	100	101	102	105	111	122	153	209	238	249	254	257	259
MAC	1	97	98	99	102	106	116	148	216	244	253	258	260	262
	7	95	95	97	99	103	111	143	224	249	257	261	263	264
	14	92	93	94	96	98	105	134	236	256	261	264	266	267
	21	89	90	91	92	94	98	119	251	263	266	267	296	269
APR	1	85	86	86	86	86	86	76	26	273	273	273	273	274
	7	83	83	84	83	82	79	50	288	278	276	276	276	276
	14	80	81	81	80	78	71	32	299	284	280	279	278	279
	21	78	78	78	77	73	64	21	307	289	284	282	281	281
MEI	1	74	75	74	72	68	55	13	315	295	288	285	284	284
	7	73	73	73	70	65	51	11	319	298	291	287	286	286
	14	71	71	70	68	62	47	9	323	301	293	289	288	288
	21	69	70	69	66	59	44	9	325	304	295	291	290	290
JUN	1	67	68	68	63	57	41	8	329	308	298	294	292	291
	7	67	67	66	63	56	41	9	331	309	299	294	292	292
	14	66	66	65	62	56	40	9	332	310	300	295	293	293
	21	66	66	66	62	55	40	10	333	311	300	295	293	293
JUL	1	66	67	66	62	56	42	12	334	311	300	295	293	292
	7	67	67	66	63	57	43	13	334	310	299	294	292	292
	14	68	68	67	64	58	45	14	333	309	298	293	291	291
	21	69	69	68	66	60	47	16	332	309	297	292	290	290
OGOS	1	71	72	71	69	64	52	19	327	303	293	289	287	287
	7	73	73	73	71	66	55	20	324	299	291	287	286	286
	14	75	75	75	73	69	59	23	318	295	288	285	284	284
	21	77	78	78	76	73	64	26	311	290	284	282	281	281
SEPT	1	81	82	82	81	79	74	36	294	281	278	277	277	278
	7	83	84	84	84	83	80	49	283	276	275	275	275	275
	14	86	88	87	88	88	89	87	270	271	271	271	272	273
	21	89	89	90	92	93	98	141	258	265	267	268	269	270
OKT	1	93	93	95	97	101	111	169	244	257	261	264	265	266
	7	95	96	98	100	105	119	176	238	253	258	261	263	264
	14	98	99	101	104	110	126	180	231	248	255	258	260	261
	21	100	101	104	107	115	133	180	226	244	252	255	258	259
NOV	1	104	105	108	112	121	141	180	220	238	244	251	254	255
	7	106	108	110	115	124	143	180	217	235	244	249	252	253
	14	108	109	112	117	127	146	180	214	232	242	247	250	251
	21	109	111	114	119	129	147	180	211	230	240	245	248	250
DIS	1	111	113	116	121	131	148	178	207	227	237	243	246	250
	7	112	113	116	122	131	148	177	206	225	236	242	245	247
	14	113	114	117	122	131	148	175	204	224	235	241	244	246
	21	113	114	117	122	131	147	173	202	222	234	240	244	-